

Penjawat awam mengaku tidak bersalah cederakan bapa guna batang paip PVC

KUCHING: Seorang penjawat awam lelaki mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan mencederakan bapanya menggunakan sebatang paip PVC.

Tertuduh, 29, membuat pengakuan itu sebaik didakwa di hadapan Hakim Iris Awen Jon mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama.

Seksyen 324 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan, atau mana-mana dua daripada hukuman tersebut.

Sementara Seksyen 326A kanun sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua kali ganda tempoh maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan berkenaan, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja mencederakan bapa

kandungnya yang berusia 52 tahun menggunakan senjata berbahaya iaitu sebatang paip PVC.

Perbuatan itu didakwa dilakukannya dalam satu kejadian pada 3 Jun 2026, sekitar jam 12 tengah hari di sebuah rumah di Jalan Merdeka, Petra Jaya di sini.

Difahamkan, kejadian tersebut dikatakan berpunca daripada ketidakpuasan hati tertuduh terhadap mangsa yang enggan membantu menyambungkan semula bekalan elektrik dan air ke rumah bahrur tertuduh.

Sebaik pengakuan tidak bersalah direkodkan, Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng menawarkan ikat jamin sebanyak RM10,000 tunai dengan dua penjamin tempatan serta syarat tambahan iaitu tertuduh melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali sehingga kes selesai.

Tertuduh yang tidak di-

wakili peguam bagaimanapun memohon jaminan diringankan dengan alasan dia tinggal bersama bapanya.

Selain itu, tertuduh juga memohon maaf kepada mahkamah dan memaklumkan telah berbincang dengan ahli keluarganya yang lain bagaimanapun memastikan kejadian serupa itu tidak berulang.

Iris bagaimanapun tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan tertuduh seterusnya diperintahkan ditahan reman.

Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira keadaan kes berkenaan, khususnya apabila tertuduh dan mangsa tinggal serumah.

Beliau turut menasihatkan tertuduh supaya mendapatkan khidmat peguam bagi mewakilinya, selain menetapkan pengurusan kes pada 8 Julai 2026.

Kes disiasat Pegawai Penyiasat Inspektor Nur Ain Wong Abdullah.